

Nama Suratkhbar : Berita Harian (Segmen Rencana)

Tarikh : Selasa, 28 Januari 2014

Mukasurat : 26

© SELASA 28 JANUARI 2014

BH

Bahasa Melayu merosot jika kita bersikap negatif

Penggunaan menyampaikan ilmu mampu tingkat status, jamin kelestarian



TEO KOK SEONG

BH (Rase)
28/1/2014
ms 26
(Segmen Rencana)

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang Kumpulan BH
Mahfar Ali
mahfar@bh.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan BH
Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Berita dan Ewal Semasa
Norhayati Md Said
yatisaid@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Mingguan/BH
Zainor Said
zainor@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Pengeluaran/e-Paper
Rosli Safar
roslis@bh.com.my

Berita Harian diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-6787
Faks: 03-20567081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
bhrencana@bh.com.my

Golongan Anglofil, yakni mereka yang fanatik terhadap bahasa Inggeris, terdiri daripada kaum Melayu, yang tidak jemu-jemu menuntut agar dikembalikan persekolahan aliran bahasa Inggeris, sekali lagi menyelar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Kali ini, mereka mengatakan langkah pengukuhan pendidikan bahasa Inggeris dalam PPPM, terlalu dangkal, tidak berpandangan jauh dan bersifat kosmetik semata-mata. Dengan kata lain, ia tidak difikirkan dengan baik, tidak memperlihat jangkauan jauh dan hanya membabitkan pemulihan luaran yang tidak pun menangan masalah dasar.

Pada permukaannya kenyataan ini perlu diberi perhatian serius. Tetapi, selepas dirujuk PPPM dengan hemah, ia ternyata tuduhan melulu. Tindakan untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, mengikut tiga gelombang transformasi yang ditetapkan dalam PPPM, bukan saja memiliki nilai pedagogi tinggi. Ia juga memiliki upaya untuk menjadikan golongan muda benar-benar fasih dalam bahasa Inggeris.

Sebenarnya semua ini sudah mencukupi untuk menangani masalah ketidakkecakapan pelajar kita dalam bahasa Inggeris pada masa kini. Oleh itu, kita tidak perlu buat perubahan struktural dengan mengembalikan persekolahan aliran bahasa Inggeris.

Tumpu kemahiran dwibahasa

Untuk ini, kemahiran dwibahasa Melayu-Inggeris diberi penekanan dalam PPPM, khususnya mengenai kecekapan berbahasa Inggeris sebagai satu daripada ciri yang perlu ada pada golongan muda untuk membolehkan mereka bersaing pada persada antarabangsa. Kemahiran ini yang digerakkan oleh Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) sesungguhnya adalah rancangan yang baik.

Dua bahasa ini saling melengkapi dan tidak sekali-kali bertentangan. Dalam PPPM, dua bahasa ini mempunyai peranan masing-masing, dengan setiap bahasa memberi sumbangan yang tidak sama.

Sehubungan ini, bahasa Inggeris adalah jambatan untuk menghubungkan dua lingkungan, iaitu dunia kecendekiaan di luar Malaysia dengan kemajuan rakyat Malaysia. Ini kerana bahasa Inggeris digunakan dalam pelbagai bidang.

Antara yang terpenting ialah pendidikan. Selain ini, ia juga bahasa global utama untuk komunikasi perdagangan, teknologi maklumat, kewartawanan, pengiklanan, kawalan lalu lintas udara, diplomasi serta

sains dan teknologi.

Dalam hal ini, kepentingannya tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak. Oleh itu, cara ia diajar diberi perhatian serius dalam PPPM.

Bahasa Melayu walaupun tidak memiliki nilai penerapan yang begitu pelbagai yang ada pada bahasa Inggeris, ia penting kepada kita untuk mengungkapkan jati diri kebangsaan. Dalam hal ini, bahasa Melayu amat diperlukan untuk memberi makna kepada salasilah kita sebagai warga Malaysia.

Perlu ada sikap bangga

Perkara yang paling penting pada kemahiran dwibahasa ini dalam PPPM ialah sikap kita terhadap bahasa Melayu. Ia merangkumi perasaan, tingkah laku dan pandangan kita terhadapnya.

Sepatutnya kita menyayanginya, berasa megah apabila digunakan, ikut selalu menggunakannya dan sentiasa mencari kesempatan agar dapat digunakan dengan lebih luas. Sikap begitu bukan saja dapat membantu perkembangannya, ia juga dapat menjamin kelestariannya.

“**Bahasa Melayu pasti merosot jika sikap positif terhadapnya tidak diperlihatkan oleh kita, lebih-lebih lagi kaum Melayu yang menuturnya**”

Keadaan sebaliknya berlaku apabila kita berasa malu dan tidak mahu menggunakannya, bertukar ke bahasa Inggeris sebaik saja menggunakannya, menjadikan mereka yang berbahasa Melayu bahan ketawa dan kritikan serta menghalangnya daripada digunakan dalam bidang tertentu, misalnya pendidikan.

Bahasa Melayu pasti merosot jika sikap positif terhadapnya tidak diperlihatkan oleh kita, lebih-lebih lagi kaum Melayu yang menuturnya sebagai bahasa ibunda, etnik dan leluhur, yang kini adalah bahasa negara.

Oleh itu, ia perlu digunakan dalam bidang penting seperti pendidikan. Hanya sebagai bahasa pendidikan di semua peringkat, bahasa Melayu dapat terus mempertahankan kosa kata, pola wacana dan lingkungan gayanya. Inti pati ilmu di dalamnya yang didukung oleh semua ini akan memberinya prestij sebagai bahasa ilmu.

Jati diri kebangsaan yang diungkapkan oleh bahasa Melayu adalah sifat, sama ada zahir atau batin, mengenai sikap kita terhadapnya, yang sememangnya perlu positif. Di dalamnya terakam sejarah kaum Melayu khasnya dan yang lain-lain amnya. Ini dapat dilihat melalui kosa kata dan nahunya.

Kaum Melayu sepatutnya tidak melakunya apabila digunakan sebagai bahasa pendidikan. Penggunaannya dalam bidang pendidikan akan menaikkan lagi status dan prestijnya.



Penulis

ialah Profesor Linguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia